

NAFKAH ISTERI BEKERJAYA.

PROF. MADYA DR NORMADIAH DAUD
PUSAT PENGAJIAN SYARIAH
FAKULTI PENGAJIAN KONTEMPORARI ISLAM
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

NAFKAH DARI SUDUT BAHASA

Perkataan nafkah merupakan istilah bahasa Arab. Menurut Ma'luf al-Yasu'i (2000), nafkah berasal daripada perkataan *anfaqa*, *yunfiqu*, *infaqan*. Perkataan nafkah dari segi bahasa merujuk kepada perbelanjaan iaitu sesuatu yang dibelanjakan daripada dirham termasuklah perbelanjaan yang wajib dikeluarkan oleh suami kepada isteri

NAFKAH DARI SUDUT SYARAK

Nafkah dari sudut istilah atau fiqh pula didefinisikan dengan pelbagai definisi. Dalam kitab-kitab fiqh, perbincangan nafkah biasanya dimasukkan dalam perbincangan berkaitan perkahwinan. Ini kerana, nafkah merupakan satu kesan yang terjadi rentetan daripada akad perkahwinan antara seorang lelaki dengan seorang wanita.

Nafkah boleh didefinisikan sebagai satu perbelanjaan dan pengeluaran wang yang wajib dilaksanakan oleh suami kepada tanggungannya terutama isteri. Keperluan yang wajib ini berteraskan tiga perkara iaitu makanan, pakaian, dan tempat tinggal. Namun, sekiranya terdapat perkara lain menjadi keperluan seorang isteri secara adatnya, maka perkara tersebut turut termasuk dalam nafkah yang wajib selagi perkara tersebut tidak bercanggah dengan syariat Islam dan tidak melampau batas.

DALIL-DALIL PENSYARIATAN NAFKAH ISTERI

Dalil-dalil al-Quran

1. (Surah al-Nisa', 4:34)

Maksudnya: “Kaum lelaki adalah pemimpin bagi wanita, kerana Allah telah melebihkan orang lelaki atas wanita, dan juga kerana orang lelaki telah membelanjakan dari harta mereka”.

2. (Surah al-Baqarah, 2:233)

Maksudnya: “Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak mereka selama dua tahun genap, iaitu bagi orang yang menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya”.

Sabda Rasulullah s.a.w.:

وَلَهُنَّ عَلَيْكُمْ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

Maksudnya: “*Dan mereka (para isteri) mempunyai hak diberikan rezeki dan pakaian (nafkah) yang diwajibkan atas kamu sekalian (wahai para suami)*”

(Riwayat Muslim, no hadith 2137)

SEBAB-SEBAB KEWAJIPAN NAFKAH TERHADAP ISTERI

1. MAZHAB SHAFEI

Mewajibkan nafkah kepada isteri disebabkan oleh perkahwinan dan penyerahan diri secara sempurna kepada suami iaitu *al-tamkin*. Ini disebabkan seorang isteri yang menyerahkan diri kepada suami dianggap menyerahkan segala kebergantungan hidup mereka kepada suami dan membolehkan suami menyetubuhinya (al-Dusuqi, Muhammad, 2000; al-Khatib al-Syarbini, 2003). Dengan penyerahan tersebut, seorang suami perlu membalasnya dengan memenuhi keperluan tertentu seorang isteri.

2. MAZHAB MALIKI DAN MAZHAB HANBALI

Pandangan mereka pula sedikit berbeza dengan mazhab Shafei. Mereka memilih faktor kewajipan nafkah terhadap isteri adalah kerana wujudnya persetubuhan antara suami dan isteri. Jika persetubuhan tersebut tidak wujud, maka kewajipan nafkah adalah tergugur (Ibn Qudamah, 2004:402).

SEBAB-SEBAB TERGUGUR NAFKAH ISTERI

- 1. Perceraian dan Kematian**
- 2. Isteri Nusyuz**
- 3. Isteri Menjalani Hukuman Penjara**
- 4. Murtad**
- 5. Isteri Bermusafir Tanpa Izin Suami**
- 6. Isteri Bekerja Tanpa Izin Suami**

JENIS NAFKAH ISTERI



1. Nafkah Makanan

2. Nafkah Pakaian

3. Nafkah Tempat Tinggal

4. Nafkah Khadam dan Pembantu Rumah

5. Nafkah Peralatan Rumah dan Alat

Perhiasan

WANITA BEKERJA BERDASARKAN SEJARAH AWAL ISLAM

1. Bidang Ekonomi

Terdapat beberapa contoh wanita yang berjaya dalam perniagaan ketika sejarah awal Islam antaranya adalah Umm al-Mu'minin Khadijah binti Khuwailid (Sa'id 'Abd al-Fattah 'Asyur (1994). Beliau merupakan contoh wanita yang berjaya mengembangkan perniagaan sehingga beliau dikenali dalam kalangan orang Arab. Ketika beliau berkahwin dengan Rasulullah s.a.w., perniagaan yang diusahakan oleh beliau tidak dihalang oleh Rasulullah s.a.w. Malah Rasulullah s.a.w. memberi sokongan penuh kepada beliau dalam memajukan perniagaan.

Selain itu, terdapat beberapa wanita yang melibatkan diri dalam perniagaan seperti Zainab binti Jahsh dalam pembuatan tangan dan Asma' binti Umays pula dalam pemprosesan kulit haiwan (Layth Su'ud Jasim, 2006). Menurut Nurvitasari (2014), Asma' binti Abu Bakar juga melakukan perkerjaan dengan membantu suami menguruskan pertanian.

2. Dakwah

Wanita pertama memeluk Islam merupakan Khadijah binti Khuwailid. Khadijah binti Khuwailid berdakwah dalam menyebarkan dakwah Islam dengan membelanjakan hartanya untuk dakwah. Menurut Sayyid A. A Razwy (2014), Khadijah binti Khuwailid juga membelanjakan wangnya dengan membeli makanan dan minuman untuk orang Islam ketika orang Islam diboikot pada masa itu.

Selain itu, Asma' binti Abu Bakar juga antara orang yang terawal memeluk Islam. beliau membantu Rasulullah s.a.w dalam menyebarkan dakwah Islam dengan memasak bekalan makanan kepada Rasulullah s.a.w. ketika Rasulullah s.a.w. berhijrah dari Mekah ke Madinah (Fatimah Ali, 1996).

3. Peperangan

Ketika berlakunya peperangan antara orang Islam dengan orang kafir, kebanyakan wanita menjadi jururawat di medan perang. Mereka merawat orang Islam yang tercedera di dalam peperangan. Terdapat juga seorang doktor wanita ketika itu yang bernama Zainab dari kaum Awwad. Manakala Rafidah al-Ansariyyah pula menjadi jururawat yang merawat penduduk di Madinah (Sa'id 'Abd al-Fattah 'Asyur, 1994).

PANDANGAN ULAMA' KONTEMPORARI TERHADAP KEDUDUKAN WANITA BEKERJA PADA MASA KINI.

Pandangan Pertama : Keharusan wanita bekerja.

Keharusan wanita bekerja bertepatan dengan firman Allah s.w.t. dalam surah an-Nisa' ayat 32:


Maksudnya: bagi lelaki bahagian yang ia usahakan dan bagi wanita bahagian yang ia usahakan.

Menurut Khalid 'Abd al-Rahman al-'Ak (2007), terdapat sebahagian ulama' yang berpandangan bahawa pekerjaan wanita bukan hanya terbatas dengan menjaga urusan suami dan anak-anak sahaja. Mereka juga diharuskan melibatkan diri dalam pekerjaan. Pandangan ini mengharuskannya disebabkan tiada dalil yang jelas yang menegah wanita untuk bekerja.

Di dalam Islam, apabila sesuatu perkara tidak dinyatakan hukum secara jelas, maka syariat Islam akan terikat dengan salah satu kaedah dalam qawaid fihiyyah iaitu:

الأصل في الأشياء الإباحة حتى يدل الدليل على التحريم

Maksudnya: Asal suatu perkara adalah dihukumkan harus, sehingga ada dalil yang menunjukkan pengharamannya



Menurut Muhammad Salim al-Awwa' (1998), menggunakan kaedah ini menunjukkan Islam menegah umatn Islam mengharamkan sesuatu perkara yang tidak ada dalil yang jelas tentang pengharamannya.


Walaupun begitu, kebenaran untuk wanita keluar bekerja bukan berbentuk mutlak tetapi terdapat syarat-syarat tertentu yang perlu wanita penuhi untuk keluar bekerja. Contohnya, wanita perlu menutup aurat ketika keluar bekerja (Kamiliya Ibrahim, 1984 & Haya Mubarak al-Barik, 2001).

Pandangan kedua: Pengharaman wanita keluar bekerja.

Terdapat sebilangan ulama' kontemporari yang mengharamkan wanita bekerja di luar rumah mereka. Menurut Muhammad 'Uqlah (1990), ulama' mengharamkan wanita daripada keluar bekerja kerana berpendapat bahawa tempat paling sesuai bagi wanita adalah di rumah mereka.

Mereka berhujah dengan menggunakan dalil dalam berdasarkan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Ahzab ayat 33:

Maksudnya: "Dan hendaklah kamu menetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang jahiliyyah.



Menurut Muhammad ‘Uqlah (1990), ayat di atas melarang wanita menonjolkan perhiasan mereka. Secara tidak langsung, ayat ini memberi tegahan berkaitan percampuran wanita dengan lelaki dalam situasi jual beli, musafir dan sebagainya. Jadi, untuk mengelakkan percampuran berlaku maka wanita tidak dibenarkan untuk keluar bekerja.

Pandangan Rajih: Islam mengharuskan wanita bekerja dengan bersyarat

SYARAT-SYARAT ISTERI BEKERJA DI LUAR RUMAH

Pertama, mendapat keizinan yang jelas daripada wali wanita tersebut.

Kedua, pekerjaan tersebut tidak meletakkan seorang wanita dengan lelaki secara bersendirian.

Ketiga, Tidak *bertabarruj* (berlebihan berhias) terutama dalam pemakaian ke tempat kerja.

Keempat, disyaratkan juga kepada wanita atau isteri yang ingin bekerja untuk melakukan sesuatu pekerjaan yang berlandaskan syarak


Kelima, seorang wanita yang bekerja seharusnya memilih pekerjaan yang mempunyai keperluan atau kemaslahatan kepada masyarakat setempat

Keenam, isteri yang bekerja yang menjalankan sesuatu pekerjaan dan tidak meninggalkan tanggungjawab utama mereka sebagai isteri.

Ketujuh, tidak menyebabkan terhalangnya kaum lelaki untuk mendapatkan kerja.

Kelapan, syarat terakhir bagi seorang wanita atau isteri untuk bekerja adalah untuk memilih pekerjaan yang bersesuaian dengan tabiat dan fitrah sebenar seorang wanita

Faktor – Faktor Perubahan Sosial



Impak Perubahan Sosial Terhadap Penglibatan Wanita Dalam Kerjaya

Impak perubahan sosial pada penglibatan wanita dalam kerjaya di luar rumah adalah disebabkan faktor latarbelakang pendidikan dan perubahan sosio budaya dalam masyarakat sesebuah tempat.

Aktiviti wanita kontemporari ini jauh berbeza dengan corak kehidupan wanita silam. Wanita silam menumpukan aktiviti harian yang lebih berpusat di dalam rumah dan menjurus kepada menunaikan tanggungjawab seorang ibu dengan kerjaya suri rumah serta memberi perlindungan dan tarbiah kepada anak-anak. Berbeza dengan aktiviti wanita hari ini, kerjaya mereka berpusat di luar rumah.

Situasi ini dapat direalisasikan melalui statistik 2013 yang dikeluarkan oleh Perangkaan Wanita Keluarga & Masyarakat di Malaysia khususnya.

Samb...

Mengikut statistik yang dikeluarkan pada 2013 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang dimuat turun dalam laman sesawang Kementerian Wanita, jumlah guna tenaga wanita ialah seramai 4,630,000 orang (www.kpwkm.gov.my).

Angka ini merupakan angka keseluruhan jumlah guna tenaga wanita dalam industri yang dinyatakan itu.

Ini menggambarkan jumlah sebenar wanita yang terlibat dengan kerjaya. Berpandukan angka tersebut ia memberi impak pada perubahan sosial hidup masyarakat.

Penglibatan Wanita Dalam Kerjaya Menurut Realiti Syarak

Ilmuan Islam dan sarjana mutakhir ini berpandangan wanita berkerjaya kontemporari ini adalah selaras dengan realiti paparan nas syarak selagi mana bentuk atau corak kerjaya yang diceburi itu mempunyai signifikan dan kewajarannya dengan kelayakan yang dimiliki wanita tersebut.

kecuali kerjaya menjawat jawatan pemimpin utama dalam sesebuah negara atau (*Imamah al-'Uzma*) (Muhammad Qasim al-Minsi, 2010:21).

Bentuk kerjaya yang diharuskan itu juga mestilah mematuhi piawaian-piawaian yang ditetapkan syarak iaitu seperti jenis pekerjaan yang halal dan tidak menyalahi fitrah kejadian wanita yang melampau atau bercanggah dengan 'uruf.

Samb...

1. وَلَهُنَّ مِثْلُ الَّذِي عَلَيْهِنَّ بِالْمَعْرُوفِ Al-Baqarah 2:228

Terjemahan: Dan isteri-isteri itu mempunyai hak yang sama seperti kewajiban yang ditanggung oleh mereka (terhadap suami) dengan cara yang sepatutnya (dan tidak dilarang oleh syarak).

Berdasarkan prinsip persamaan tentang hak dan kewajiban di sisi wanita dan laki-laki yang dinyatakan dalam ayat tersebut. Hak dan kewajiban yang wujud pada lelaki wujud juga pada kaum perempuan. Ia tidak menafikan hak wanita untuk berkerjaya jika mendapat restu dan izin daripada suami.

2. وَالْمُؤْمِنُونَ وَالْمُؤْمِنَاتُ بَعْضُهُمْ أَوْلِيَاءُ بَعْضٍ Al-Tawbah:71

Terjemahan: dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan, setengahnya menjadi penolong bagi setengahnya yang lain...

Ayat ini menerangkan golongan lelaki dan perempuan saling tolong menolong dan sokong menyokong bagi merialisasikan sesuatu kemaslahatan. Ini membuktikan wanita juga mempunyai peranan yang sama dengan kaum lelaki dalam mencapai hasrat tertentu. Ia juga tidak menafikan penglibatan wanita dalam dunia kerjaya yang disyorkan selagi mana keseimbangan antara tanggungjawab dalam rumahtangga dan kerjaya mampu dicapai.

Perbelanjaan Sebahagian atau Sepenuhnya Gaji Isteri Oleh Suami

Isu perbelanjaan gaji isteri atau hak suami mencampuri urusan pendapatan isteri dengan mengguna sebahagian gaji atau sepenuhnya, syarak mempunyai prinsip dalam merungkaikan hal ini.

وَإِنْ أَرَدْتُمْ اسْتِبْدَالَ زَوْجٍ مَّكَانَ زَوْجٍ وَآتَيْتُمْ أَحَدَهُنَّ قِنطَارًا فَلَا تَأْخُذُوا مِنْهُ شَيْئًا أَتَأْخُذُونَهُ بُهْتَانًا وَإِنَّمَا مُبِينًا تَأْخُذُونَهُ وَقَدْ أَفْضَى بَعْضُكُمْ إِلَى بَعْضٍ وَأَخَذْنَ مِنْكُمْ مِيثَاقًا غَلِيظًا Al-Nisa' 4:20-21 وَكَيْفَ

Terjemahan: dan jika kamu hendak mengambil isteri (baharu) menggantikan isteri (lama yang kamu ceraikan) sedang kamu telah pun memberikan kepada seseorang di antaranya (isteri yang diceraikan itu) harta yang banyak, maka janganlah kamu mengambil sedikit pun dari harta itu. Patutkah kamu mengambilnya dengan cara yang tidak benar dan (yang menyebabkan) dosa yang nyata. Dan Bagaimana kamu tergamak mengambil balik pemberian itu padahal kasih mesra kamu telah terjalin antara satu dengan yang lain, dan mereka pula (isteri-isteri kamu itu) telahpun mengambil perjanjian yang kuat daripada kamu.

Samb...

Ayat ini secara jelas melarang suami mengambil hak isteri yang telah menjadi miliknya, hasil pemberian mahar oleh suaminya selepas penceraian yang tanpa sebab iaitu *nushuz*, atau hubungan yang tidak harmoni.

Ayat ini juga menyebut sekalipun suami memberi harta semasa dalam ikatan perkahwinan dengan kadar yang banyak, tetap tiada hak bagi suami mengambilnya semula (Al-Qurtubi, 2011, 3:69; Ibn Kathir, 1999:395).

Jika dinilai dari dua dimensi:

- 1- Pemberian dari suami yang diperolehi hasilnya sumber daripada suami, Islam melarang suami mengambilnya.
- 2- Dalam konteks harta bersumberkan hasil yang diusahakan sendiri oleh isteri, keutamaan tegahan itu lebih tinggi kerana sumber pendapatan itu, hasil kerjaya isteri sendiri.

Samb...

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُم بَيْنَكُم بِالْبَاطِلِ وَتُدْأُوا بِهَا إِلَى الْحُكَّامِ لِتَأْكُلُوا فَرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ بِالْإِثْمِ وَأَنتُمْ تَعْلَمُونَ

Terjemahan: Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya). Al-Baqarah 2:188

Ayat ini ditujukan kepada seluruh umat Muhammad s.a.w., ia bererti, larangan memakan harta orang lain tanpa kebenaran, dan tiada keizinan dari pemiliknya (Al-Qurtubi, 2011, 1: 565).

Kesyumulan ayat ini merangkumi penggunaan harta isteri oleh suami secara keseluruhan, atau sebahagian sahaja. Ia tetap haram dan ditegah dalam sharak.

Samb...

وَلَا يَحِلُّ لَكُمْ أَنْ تَأْخُذُوا مِمَّا آتَيْتُمُوهُنَّ شَيْئًا إِلَّا أَنْ يَخَافَا أَلَّا يُقِيمَا حُدُودَ اللَّهِ

Terjemahan: Dan tidaklah halal bagi kamu mengambil balik sesuatu dari apa yang telah kamu berikan kepada mereka (isteri-isteri yang diceraikan itu) kecuali jika keduanya (suami isteri takut tidak dapat menegakkan aturan-aturan hukum Allah. Al-Baqarah 2:229

Ayat ini menerangkan bahawa tidak halal atau haram bagi suami memusuhi atau menyukarkan isterinya dengan harapan hasil perbalahan itu suami mempunyai ruang untuk mengambil semula pemberian semasa perkahwinan (mahar) akibat *nushuz* isteri (Ibn Kathir, 1999: 236).

Ini bererti pemberian mahar daripada suami kepada isteri menjadi hak milik isteri secara mutlak, suami mengambil atau mengguna harta isteri hasil pemberian suami itu ditegah jika tanpa apa-apa sebab yang disharakan.

Mengadakan sebab dengan tujuan mengambilnya semula pemberian itu ditegah, mengambil tanpa sebab adalah lebih utama pengharamannya. Hal ini juga dijadikan hujjah analogi pada harta hasil pendapatan isteri dari kerjayanya. Suami tiada hak mencampuri urusan hasil pendapatan isteri kecuali dengan kerelaandan keikhlasannya tanpa paksaan.

Samb...

قال رسول الله -صلى الله عليه وسلم-: لَا يَأْخُذَنَّ أَحَدُكُمْ مَتَاعَ أَخِيهِ جَادًّا وَلَا لَاعِبًا، وَإِذَا أَخَذَ أَحَدُكُمْ عَصَا أَخِيهِ فَلْيُرُدَّهَا عَلَيْهِ))

Terjemahan: “Rasulullah s.a.w. berkata: Seseorang daripada kamu tidak boleh mengambil barang (manfaat) saudaranya secara gurauan dan secara olok-olok, apabila ada di antara kamu mengambil tongkat saudaranya ia mesti memulangkan kepada tuannya”. Al-Tirmizi, no. hadith 2160, 2004:359

Apabila hadis ini diperhalusi, ia menunjukkan bahawa Baginda s.a.w. melarang umatnya mengambil sesuatu yang bukan dimiliki sendiri samaada ia berbentuk manfaat atau barangan. Bahkan diperincikn lagi mengambilnya secara gurauan atau olok-olok ia tetap ditegah dalam syarak.

Jika merujuk dalam isu harta pendapatan hasil usaha isteri, ia lebih utama ditegah mengambil atau memaksa isteri memberi sebahagian dari pendapatannya, tanpa kerelaan daripada pihak isteri.

Peranan Isteri Berkerjaya Menampung Nafkah Keluarga

Asas perbincangan dalam isu ini ialah tuntutan kewajipan yang ditaklifkan, atau dipertanggungjawabkan oleh syarak, dituju kepada kaum lelaki.

وَعَلَى الْمَوْلُودِ لَهُ رِزْقُهُنَّ وَكِسْوَتُهُنَّ بِالْمَعْرُوفِ

dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya.

Samb...Peranan Isteri Berkerjaya Menampung Nafkah Keluarga

Ayat ini menunjukkan bahawa kewajipan nafkah, atau hak isteri, daripada suami adalah pemberian nafkah yang merangkumi makanan dan pakaian (Zaidan, 2000, 7:152).

Ayat ini juga, ditujukan kewajipan memberi nafkah kepada isteri-isteri yang dicerai, dan yang masih menyusui anak, turut diperintahkan supaya diberi nafkah kepada ibu tersebut, mengikut kemampuan (Al-Qurtubi, 2011, 2:105).

Kewajipan nafkah kepada isteri yang dicerai, dan menjaga anak merupakan dalil, tidak diwajibkan isteri menanggung, atau menyertai pembiayaan nafkah, dalam sesebuah institusi kekeluargaan.

Penutup

Implikasi syarak, terhadap isu perbelanjaan gaji isteri berkerjaya oleh suami, ialah gaji isteri hasil dari usahanya adalah hak mutlak isteri, yang mana haram bagi suami mengambil samaada sebahagian, atau keseluruhan dari gaji tersebut, kecuali dengan persetujuan daripada isterinya.


Mengambil separuh dari gaji isteri adalah sama hukumnya dengan mengambil harta orang lain iaitu haram.

Dalil penghujahan larangan tersebut adalah berpandukan pada nas al-Quran dan hadis.

Samb...Penutup

faktor perubahan sosial yang wujud dan mempengaruhi suasana hidup masyarakat, tidak merubah kedudukan penentuan hukum syarak sedia ada, tentang nafkah dan hak harta.

ia perlu diaplikasikan hukum asal, dalam situasi ini. Meskipun, perubahan sosial berlaku dengan keterlibatan wanita dalam kerjaya.



"Wahai manusia sebagaimana kamu mempunyai hak atas isteri kamu, mereka juga mempunyai hak ke atas kamu. Sekiranya mereka menyempurnakan hak mereka ke atas kamu, maka mereka juga berhak diberikan makan dan pakaian, dalam suasana kasih sayang. Layanilah wanita-wanita kamu dengan baik dan berlemah-lembutlah terhadap mereka kerana sesungguhnya mereka adalah teman dan pembantu kamu yang setia. Dan hak kamu atas mereka ialah mereka sama sekali tidak boleh memasukkan orang yang kamu tidak sukai ke dalam rumah kamu dan dilarang melakukan [zina](#).

Rujukan

'Abd al-Karim Zaydan, *Huquq wa Wajibat al-Mar'ah Fi al-Islam*, (Lubnan: Mu'assasah al-Risalah, 2004).

Abadi. Abi 'Abd al-Rahman Sharif al-Haq al-Shahir bi Muhammad Ashraf bin Amir al-'Azim, *'Awni al-Ma'bud 'Ala Sunan Abi Dawud*, (al-Urdun: Bayt al-Afkar al-Dayliyyah, t.t.).

Abi 'Abdillah Muhammad bin Isma'il, *Sohih al-Bukhari*, dalam *Mausu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed., Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (al-Riyad: Maktabah Dar al-Salam, 1999).

Abi al-Husayn Muslim bin al-Hajjaj bin Muslim al-Qushayri al-Nisaburi, *Sohih Muslim*, dalam *Mausu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed., Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (al-Riyad: Maktabah Dar al-Salam, 1999).

Abi Dawud, Sulayman bin al-Ash'ath bin Ishaq al-Azdi al-Sajastani, *Sunan Abi Dawud*, dalam *Mausu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (al-Riyad: Maktabah Dar al-Salam, 1999).

al-Bukhari, Abi 'Abdillah Muhammad bin Isma'il, *Sohih al-Bukhari*, dalam *Mausu'at al-Hadith al-Sharif: al-Kutub al-Sittah*, ed. Salih bin 'Abd al-'Aziz Al al-Shaykh (al-Riyad: Maktabah Dar al-Salam, 1999).

al-Kasani, 'Ala' al-Din Abi Bakr bin Mas'ud, *Badai' al-Sanai' Fi Tartib al-Shara'i*, tahqiq: Muhammad 'Adnan bin Yasin Darwish, (Lubnan: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 2000).

Al-Nawawi, Mahyu al-Din 'Abu Zakariyya bin Sharaf bin Murri, *Sharhu al-Nawawi 'Ala Muslim*, (al-Urdun: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, t.t.).

Al-Nawawi, Mahyu al-Din 'Abu Zakariyya bin Sharaf bin Murri, *Sharhu al-Nawawi 'Ala Muslim*, (al-Urdun: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, t.t.).

Al-Qurtubi, Muhammad bin Ahmad al-Ansari, *al-Jami' li Ahkam al-Quran*, tahqiq: Abdul Hamid Handawi, (Beirut: Maktabah al-'Asriyyah, 2011).

al-Sartawi, Mahmud Ali, *Sharhu Qanun al-Ahwal al-Shakhsiyyah*, (Amman-Jordan: Dar al-Fikr, 2007).

Al-Shawkani, Muhammad bin 'Ali bin Muhammad, *Nayl al-Awtar Sharh Muntaqa al-Akhbar*, (al-Urdun: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, 2004).

Al-Tanubi, Muhammad 'Umar, *al-Taghayyur al-Ijtima'i*, (Iskandariyyah: Mansha'ah al-Ma'arif Bi al-Iskandariyyah, t.th.).

al-Timizi, Abi 'Isa Muhammad bin 'Isa bin Saurah, *Jami' al-Tirmizi*, (al-Urdun: Bayt al-Afkar al-Dawliyyah, 2004).

The image features two stylized white roses with yellow highlights, set against a teal background. The roses are rendered in a low-poly, geometric style. The text "Sekian, Terima Kasih" is centered over the roses in a bold, purple font. A thin purple vertical line is located on the left side of the image.

**Sekian,
Terima Kasih**